

# Mahathir berpuashati

KUALA LUMPUR 11 Feb.

— Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berpuashati dengan perkenan Majlis Raja-Raja ke atas pindaan Perlembagaan Persekutuan dan menyifatkannya sebagai kejayaan kerajaan mencapai matlamat yang dikehendaki.

Perdana Menteri berkata, beliau juga gembira kerana tidak ada perubahan besar yang akan dilakukan ke atas pindaan perlembagaan tersebut yang tujuan utamanya untuk menghadkan immuniti raja-raja Melayu.

"Saya sudah baca laporan itu dan berpuashati tidak ada perubahan besar... cuma membetulkan cara sahaja," kata Dr. Mahathir.

Beliau menjelaskan, beberapa pengubahsuaian yang dibuat ke atas Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993 ialah untuk mewujudkan peruntukan supaya raja-raja yang didakwa melakukan jenayah tidak boleh dibicarakan dalam inahkamah biasa.

"Hanya mahkamah khas yang boleh membicarakan raja-raja. Memang sejak dari awal lagi kita tidak mahu membawa mereka ke mahkamah biasa," kata beliau kepada para pemberita selepas Majlis Makan Malam Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini, malam ini.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menegaskan, sunguhpun raja-raja Melayu hanya boleh dihakimi di mahkamah khas tetapi mereka masih tertakluk kepada undang-undang biasa.